

07/07/1998

Ulama perlu kuasai semua ilmu: PM (HL)

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu ulama turut memberikan penjelasan terperinci mengenai pelbagai aspek kehidupan di dunia termasuk isu alam sekitar dan ekonomi, sesuai dengan ajaran Islam yang menjadikan agama suci itu sebagai addin atau cara hidup.

"Dalam al-Quran berkali-kali disebut berkenaan alam sekeliling, bukit-bukau, awan dan hujan yang menyuburkan bumi.

"Tetapi jarang sekali ada alim ulama menjelaskan mengenai perkara ini, seolah-olah ajaran Islam seperti yang terdapat dalam al-Quran, ada yang penting dan ada yang boleh diketepikan," kata Perdana Menteri.

Merasmikan majlis sambutan Maulidur Rasul 1419 Hijrah di Pusat Islam di sini, hari ini, Dr Mahathir berkata, ulama juga hanya memberi penekanan terhadap beberapa hukum tertentu seperti soal seks dan wanita.

"Ajaran Islam yang dibawa Nabi Muhammad tidak terhad kepada ibadat tertentu saja," katanya sambil mengemukakan beberapa persoalan untuk direnungi umat Islam.

Lebih 2,000 orang termasuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak hadir pada majlis itu.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri bertanya apakah memadai umat Islam hanya tahu beribadat dan menghabiskan sepanjang masa untuk mengamalkan ibadat tertentu semata-mata?

Malah, tanya Dr Mahathir, apakah umat Islam dapat hidup sempurna jika tidak tahu bercucuk tanam, menternak, menangkap ikan atau mengeluarkan bahan makanan secara besar-besaran untuk jutaan umat.

"Apakah umat Islam juga tidak perlu menguasai dan mengembangkan ilmu perubatan dan kesihatan?

"Apakah umat Islam tidak perlu menguasai semua ilmu yang boleh menolong menyelamatkan dan mempertahankan umat Islam dan negara Islam," tanya Dr Mahathir.

Beliau berkata, jika umat Islam hari ini berasa tertekan, dihina dan dijajah secara langsung atau tidak langsung, maka keadaan itu sebenarnya berlaku kerana mereka tidak menjadikan Islam sebagai cara hidup.

"Jika hari ini kita umat Islam tidak lagi berjaya, bahkan kita ketinggalan zaman, lemah dan dijajah orang lain, sebabnya ialah kerana kita tidak menjadikan Islam sebagai addin, sebagai cara hidup," katanya.

Justeru, Perdana Menteri berkata, sempena sambutan Maulidur Rasul ini umat Islam hendaklah mengingatkan diri mereka betapa tidak menyeluruhnya pegangan mereka kepada ajaran Islam.

"Ramai daripada kita yang menganggap Islam sebagai bekalan untuk maut semata-mata, bekalan untuk akhirat.

"Yang malangnya ialah bekalan itu mungkin tidak mencukupi kerana kita telah meninggalkan sebahagian besar daripada ajaran Islam seperti yang terdapat dalam al-Quran.

"Oleh kerana cara hidup yang kita amalkan tidak Islam secara menyeluruh, sebaliknya terhad kepada perkara tertentu, maka kita tidak mencapai kebahagiaan hidup seperti yang sepatutnya bagi umat yang menganggap Islam sebagai addin, cara hidup," katanya.

Dr Mahathir berkata, sambutan Maulidur Rasul sahaja tidak bermakna jika umat Islam tidak menggunakan hari berkenaan untuk merenung sejenak keadaan umat Islam pada zaman ini, terutama yang ditindas sejak sekian lama.

Menurut beliau, umat Islam sekarang bukan saja tidak lagi mendahului

manusia lain dalam bidang ilmu dan kemahiran, malah lemah dan tidak berupaya mempertahankan diri.

"Hari ini umat Islam juga berpecah sehingga sanggup berperang sesama sendiri, bahkan memihak kepada musuh Islam untuk melawan orang Islam yang lain. "Sesetengah orang Islam di zaman ini tidak banyak berbeza daripada kaum jahiliah pra-Islam," katanya.

Menyingkap perjuangan Nabi Muhammad mengembangkan Islam, Dr Mahathir berkata, Rasulullah tidak hanya beribadat dan berdoa meminta pertolongan daripada Allah.

"Allah Subhanahu wa Ta'ala boleh menjadikan sesuatu dengan hanya berkata 'jadi'. Sudah tentu Allah boleh menjayakan Nabi dengan tidak mengadakan pelbagai cabaran bagi Nabi, tetapi sebaliknya Allah mengutuskan Nabi Muhammad dan menciptakan pelbagai ujian dan halangan bagi Nabi.

"Apakah umat Islam boleh berharap kita boleh berjaya tanpa usaha yang gigih yang tidak tahu kecewa? Sudah tentu tidak. Kita harus berusaha lebih daripada Nabi kerana kita bukan nabi pilihan Allah," katanya.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri menasihatkan umat Islam supaya menggunakan kelebihan akal fikiran untuk berfungsi sebagai 'nakhoda yang dapat melayari bahtera kehidupan yang luas'.

(END)